

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 March 2016

## PAN buka pintu buat Dr. Mahathir

UM - 2/3/2016  
KUALA LUMPUR 1 Mac - PAN membuka pintu kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mana-mana pihak bagi mengadakan sebarang rundingan atau menjalin kerjasama bersama parti itu.

Presidennya, Mohamad Sabu atau Mat Sabu berkata, tindakan Dr. Mahathir meninggalkan UMNO demi menyelamatkan negara daripada pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan satu perkara serius oleh semua pihak.

Untuk itu kata beliau, jalinan kerjasama antara PAN dan Dr. Mahathir boleh dizahirkan menerusi penyertaan dalam pelbagai perkara termasuk kenyataan bersama, perhimpunan dan sebagainya.

"Kita bersama, bersedia bekerjasama dengan semua pihak termasuk Dr. Mahathir. Rancangan itu sedang dibincangkan dan kita akan umumkan tentang program-program tersebut dari semasa ke semasa.

"Cuma saya minta pihak Dr. Mahathir dan lain-lain untuk umulkannya dan kita akan bincang perkara ini dari semasa ke semasa sama ada perlu hadir atau membuat kenyataan secara bersama," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Amanah, Salahuddin Ayub dan dua Naib Presiden parti itu, Datuk Dr. Mujahid Yusuf serta Hasanuddin Mohd. Yunus.

Sementara itu, ditanya adakah penarikan diri Dr. Mahathir dalam UMNO akan memberi kesan terhadap parti berkenaan, Mat Sabu berkata, tindakan tersebut bakal menjejaskan undian rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Itu kita tidak dapat nilai kesannya dalam jangka masa singkat. Kita akan lihat perkembangan dalam masa terdekat tetapi PAN yakin sebarang pergolakan akan beri kesan kepada rakyat dan kita terus menghasut rakyat supaya menolak kerajaan BN," katanya.